

26 JUN 2018

## Makmal proses dadah heroin di gempur polis

### Makmal proses dadah heroin digempur polis

**JOHOR BAHRU** - Polis menumpaskan satu sindiket memproses dan mengedar dadah heroin dengan nilai rampasan RM640,000 dalam tujuh serbuan di sekitar negeri ini pada Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, dalam serbuan bermula pukul 2.40 petang itu, seramai lapan lelaki termasuk seorang warga Bangladesh yang berusia antara 28 hingga 58 tahun ditahan.

Menurutnya, daripada tujuh serbuan, tiga daripadanya melibatkan makmal memproses dadah dan sebuah stor penyimpanan

bahan kimia.

Dalam serbuan itu, polis merampas 31 kilogram (kg) dadah disyaki heroin, heroin base (1.06kg), ketamin (0.44kg), syabu (0.11kg) dan bahan kimia disyaki kafein dianggarkan seberat 85kg.

"Turut dirampas ialah pelbagai peralatan memproses dadah," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini semalam.

Mohamad berkata, dalam serbuan itu, polis turut menyita lapan kenderaan mewah termasuk Mercedes-Benz GLC 250 dan pelbagai jenis mata wang yang dianggarkan bernilai RM801,000.